

**BOTOL ECO juga boleh didapati bersama tali galas untuk memudahkan dibawa ke mana-mana.**



## Elak bahaya botol plastik

HARI ini rata-rata masyarakat di Malaysia sudah sedia maklum mengenai bahaya yang disebabkan oleh penggunaan botol plastik yang ketika ini banyak digunakan sebagai botol minuman air mineral.

Botol plastik yang berasaskan hidrokarbon sebelum ini tidak boleh terurai secara semulajadi untuk dilupuskan dan secara tidak langsung menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Dan tahukah anda, di Malaysia sebanyak 100,000,000 botol plastik yang diperbuat daripada *polyethylene terephthalate* (PET) digunakan setiap hari dan 85,000,000 botol plastik PET telah dibuang dan menjadi sampah?

Dengan jumlah tersebut, ia ternyata satu angka yang banyak dan sekali gus menjadikan tapak pelupusan sampah dipenuhi botol-botol yang terbiar dan lupus dengan sendirinya.

Penggunaan semula botol-botol plastik ini sebenarnya membahayakan pengguna kerana air di dalamnya mengandungi bahan-bahan yang tidak sihat.

Itu dikatakan berpunca daripada bahan botol plastik itu sendiri yang masuk ke dalam minuman apabila terlalu kerap dibasuh dan digunakan semula.

Justeru, bagi memastikan air yang diminum selamat baru-baru ini Tupperware telah memperkenalkan botol ECO yang dijamin keselamatannya.

Itu bukan sahaja boleh digunakan berulang kali malah ia juga selamat daripada sebarang bahan kimia.

Memenuhi piawai keselamatan dunia, botol ECO ini, ia bukan sahaja kelihatan menarik malah ia juga boleh dibawa ke mana-mana sahaja.

Didatangkan dalam dua warna, hijau dan biru, botol ECO turut disediakan tali galas agar mudah dibawa oleh kanak-kanak.

Mampu diisi sebanyak satu liter air, botol ECO juga dilihat satu produk yang baik untuk menjaga alam sekitar sekali gus mengurangkan sampah yang terdiri daripada botol-botol plastik PET.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan produk Tupperware ini, anda boleh kunjungi cawangannya yang terdekat atau hubungi talian bebas tol 1300885500 untuk mengetahui cawangan Tupperware yang terdekat dengan anda.



**BOTOL ECO yang terdapat dalam dua warna, hijau dan biru.**